

**Contohi Malaysia majukan wilayah
Utusan Online
Februari 02, 2012
Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN**

KOTA KINABALU 1 Feb. - Keupayaan negara menggembeling sektor swasta bagi meneroka potensi di wilayah Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) perlu dicontohi semua negara di kawasan pertumbuhan khas itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata, justeru itu semua negara terbabit perlu memberi sokongan kepada pihak swasta yang berhasrat melibatkan diri dalam pembangunan wilayah itu.

"Ini termasuklah dari segi menawarkan pelbagai insentif atau diskaun yang boleh memberi pengusaha seperti MASWings mengurangkan kos operasi mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran penerbangan pertama MASWings ke destinasi BIMP-EAGA iaitu ke Bandar Seri Begawan Brunei di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di sini hari ini.

Hadir sama, Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Bolkiah Ismail; Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan Malaysian Airline System Bhd. (MAS), Ahmad Jauhari Yahya dan Ketua Pegawai Eksekutif MASwings, Datuk Kapten Mohd. Nawawi Awang.

Tambah Nor Mohamed, dalam konteks Sabah dan Sarawak, operasi MASWings di BIMP-EAGA akan memberi peluang pertumbuhan ekonomi serta pasaran baru bagi kedua-dua negeri dalam pelbagai bidang khususnya pelancongan, pelaburan, perubatan, pendidikan dan pertanian.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0202&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_03.htm